

12 DEC 2002

SUPP-Wanita/I

SUPP PERLU FOKUSKAN SEMULA PERANAN UNTUK TARIK ANGGOTA WANITA

KUCHING, 18 Dis (Bernama) -- Presiden Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP) Tan Sri Dr George Chan menggesa parti itu memfokuskan peranannya supaya seiring dengan kehendak dan aspirasi wanita moden hari ini bagi menarik lebih ramai wanita menganggotai parti itu.

Dr Chan yang juga Timbalan Ketua Menteri Sarawak berkata SUPP memang memberi pertimbangan sewajarnya kepada wanita untuk menjadi pemimpin.

"Malah kami menggalakkan lebih ramai wanita yang bersemangat rakyat tampil ke hadapan untuk menjalankan kerja sukarela, kebajikan dan sosial," katanya semasa merasmikan perhimpunan perwakilan tiga tahun sekali Pergerakan Pemuda dan Wanita SUPP di ibu pejabat parti itu di sini.

Beliau berkata selain mempunyai seorang anggota dewan undangan negeri wanita, Lily Yong, yang telah bergiat aktif dalam politik bagi jangka masa yang lama, SUPP juga merupakan antara yang pertama melantik ahli majlis wanita di bandar raya ini selain pelantikan wanita sebagai Ketua Kaum atau Kaptian Cina.

Perwakilan wanita wajar melihat bahawa usaha menambah keanggotaan termasuk dalam agenda mereka selain mengembeling idea untuk melaksanakan program yang relevan dengan kehendak wanita pada masa ini dan akan datang, katanya.

Dr Chan berkata cawangan Pemuda pula perlu menubuhkan pusat aktiviti belia bagi menyediakan tempat dan kemudahan untuk generasi muda bertemu dan merancang aktiviti luar dan rekreasi.

Beliau mengingatkan pergerakan Pemuda dan Wanita supaya mengelak daripada berkonfrantasi, berpuak-puak dan berselisih faham dalam politik yang boleh melemah atau menjatuhkan parti.

Memandangkan SUPP sentiasa mengutamakan perpaduan sejak penubuhannya 43 tahun lepas, beliau berkata pemimpin parti itu seharusnya berbincang untuk menyesuaikan, berkompromi sdn mencapai kata sepakat jika timbul masalah.

Beliau berkata pergerakan Pemuda dan Wanita juga wajar mengelak menyebarkan fitnah jika ada pertandingan peringkat parti.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual merasmikan perhimpunan perwakilan tiga tahun sekali SUPP di sini esok.

-- BERNAMA

CJ LAT